

**BN Selangor Anjur Karnival Untuk Semai Semangat 1Malaysia
Bernama
22 Disember, 2011**

SHAH ALAM, 22 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor akan menganjurkan karnival empat hari bertujuan menyemai semangat 1Malaysia dalam kalangan masyarakat di i-City dekat sini mulai Rabu ini (28 Dis).

Setiausaha Umno Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed berkata BN negeri telah menyusun pelbagai aktiviti berasaskan kekeluargaan terutamanya bagi belia di karnival bertemakan 'Karnival Sayangi Selangor'.

"Karnival ini adalah penutup kepada semua program yang diwujudkan dan dilaksanakan oleh Barisan Nasional Selangor tahun ini demi manfaat penduduk di negeri ini.

"Matlamat majlis ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dan persefahaman dalam kalangan masyarakat umum mengenai pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan," katanya pada sidang akhbar di i-City dekat sini.

Mengulas lanjut, Mohd Zin berkata kemuncak acara itu adalah kiraan detik menjelang tahun baru pada 31 Dis di i-City.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menghadiri majlis itu dan potret gergasi Perdana Menteri (Najib) yang dibentuk daripada gambar pelbagai wajah penduduk Selangor akan turut diserahkan kepada Najib pada majlis berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636034>